



PEJABAT PENGARAH KERJARAYA JOHOR
Aras 4, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak,
Kota Iskandar,
79100 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim.



Tel: 607-2666987 / 2666988
Faks: 607-2661623 / 1624
Portal Rasmi: jkr.johor.gov.my
E-mel: jkrjohor@johor.gov.my

*Sila nyatakan rujukan kami
apabila menjawab surat ini*

Ruj Tuan:

Ruj Kami: (5)dlm.JKRJ.B(FB)020/386/1/17/11

Tarikh:

18 April 2018

PENGARAH

Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Unit Kejuruteraan
JKR 957, Jalan Persiaran Permai
81200 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

LAPORAN PERLAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI ASET BAGI BANGUNAN KUARTERS PELATIH DI KLINIK DESA PALONG TIMUR, SEGAMAT, JOHOR.

Perkara : Laporan Pemeriksaan Kwarters Pelatih Klinik Desa Palong Timur, Segamat.

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan No. Ruj: (12) JKNJ(K)30(7)/396 Jld 4 bertarikh 15 Januari 2018 adalah berkaitan.

2. Bersama surat ini dimajukan Laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan Kwarters tersebut untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Pihak tuan dimohon untuk peperuskan proses pelupusan dengan mengemukakan kepada Pejabat ini Laporan Verifikasi Dan Perakuan Pelupusan (JKR. PATA. F10/2) beserta borang syor roboh Lampiran A (pindaan 1/ 2016) untuk tindakan selanjutnya.

3. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Ir. Hj. MOHD ISA BIN SULAIMAN)
Jurutera Awam Penguasa (Bangunan)
Jabatan Kerja Raya Johor

BLCK/MFK



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008

CERTIFIED TO ISO 14001 : 2004

LAPORAN PEMERIKSAAN KEADAAN BANGUNAN KLINIK DESA PALONG TIMUR, SEGAMAT, JOHOR.

- Pendahuluan : Laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan di Klinik Desa Palong Timur, Segamat, Johor.
- Tujuan Pemeriksaan : Laporan pemeriksaan keadaan bangunan ini dihasilkan atas permohonan pelanggan (Jabatan Kesihatan Negeri Johor) sebagai Ahli Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan.

Pada 24 Januari 2018, wakil daripada Jabatan Teknikal JKR Johor adalah En. Blacky Tamin Anak Munan dan Mohd Firdaus Bin Khamis (Bahagian Bangunan JKR, Negeri Johor) telah membuat pemeriksaan ke atas bangunan klinik yang dimohon untuk disyor roboh dan penemuan yang diperolehi atas pemeriksaan tersebut.

- Limitasi Pemeriksaan : Pemeriksaan ini hanya melibatkan pemeriksaan bagi disiplin senibina dan sivil. Pemeriksaan yang dijalankan adalah secara visual.

Pemeriksaan ini juga terhad kepada bahagian-bahagian yang boleh diakses dan tidak ada sebarang ujian terhadap kerosakan dan kecacatan dilakukan. Segala maklumat dan gambar-gambar yang berkaitan kecacatan/kerosakan dikumpulkan untuk analisis dan untuk rujukan.

- Maklumat Bangunan : Dibina pada tahun 1989 dengan peruntukan persekutuan. Kini kesemua blok klinik telah usang, tidak berpenghuni dan dalam keadaan terbiar. Kawasan ini sering diceroboh dan dikhuatiri menjadi tempat aktiviti tidak sihat.

Terdapat 3 blok bangunan sahaja

Klinik Kesihatan Palong Timur

Kuaters Pelatih – A

Kuaters Pelatih - B

Nombor DPA: 1123108MYS.010804.BM0003

Gambar : Gambar klinik desa yang berkenaan yang dimohon untuk pelupusan



Klinik Kesihatan Palong Timur



Kuarters Pelatih - A



Kuarters Pelatih - B

- Penemuan Pemeriksaan :
- 1) Bentuk bangunan dalam keadaan kekal (binaan kayu dan konkrit)
 - 2) Secara keseluruhannya, struktur binaan (tiang dan dinding) masih dalam keadaan baik. Walau bagaimanapun, kerja-kerja membaikpulih kuarters akan melibatkan kos yang tinggi. Contohnya, pemasangan elektrik yang telah ditamatkan oleh TNB dan tiada sumber elektrik serta sistem bekalan air sudah tidak berfungsi.
 - 3) Bangunan ini tidak digunakan kerana keadaan fizikal yang usang dan lama ditinggalkan.

Anggaran Kos : Kerja meroboh yang akan dilaksanakan bergantung kepada pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Johor samada dilaksanakan secara Jabatan atau diagihkan peruntukan kepada JKR.

Syor dan kesimpulan : Secara kesimpulannya kuarters ini ialah:-

- i. memerlukan kos membaikpulih yang tinggi berbanding kos meroboh.
- ii. usang dan tidak ekonomik untuk disenggara
- iii. diroboh dengan kaedah pelupusan musnah struktur binaan
- iv. Sistem bekalan air dan sistem pengagihan elektrik yang telah uzur memerlukan kos yang tinggi untuk di baikpulih.
- v. Memberi laluan kepada cadangan pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 5) yang baru akan dibina di tapak premis sedia ada.